

01 NOV 2000

MAHATHIR: KERAJAAN SENTIASA PRIHATIN TERHADAP UMAT ISLAM

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap nasib umat Islam di negara ini dengan mengadakan pelbagai kemudahan dan meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi mereka, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata umatlah Islam haruslah memanfaatkan segala peluang yang disediakan oleh kerajaan untuk memajukan diri mereka agar setaraf dengan kaum-kaum lain.

Beliau berkata demikian dalam perutusannya melalui buku cenderamata majlis Kempen Sebulan Beramal Jariah peringkat nasional dan pelancaran Skim Amal Jariah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) yang dilancarkannya di Dewan Muktamar Kompleks Pusat Islam di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata kempen berkenaan akan menyemarakkan lagi daya beramal jariah seperti yang dianjurkan oleh Islam.

Katanya kempen itu menjadi lebih bermakna dan membawa keberkatan kerana ianya dilancarkan dalam bulan Ramadan ini.

"Langkah YPEIM melaksanakan kempen ini dan skim amal jariah ini harus disokong sepenuhnya kerana ia bertujuan meningkatkan taraf sosio ekonomi umat Islam terutama yang berpendapatan rendah di negara kita," katanya.

-- BERNAMA

RV HS ES RI